

20 NOV 2000

PRESIDEN BOTSWANA LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Presiden Festus Mogae dari Botswana akan melakukan lawatan kerja empat hari ke Malaysia mulai Rabu ini.

Presiden Mogae sudah pun berada di Malaysia bagi menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) sejak semalam dan ini merupakan lawatan kedua beliau ke Malaysia.

Menurut satu kenyataan Wisma Putra hari ini, Presiden Mogae turut membuat lawatan kerja selepas LID tahun lepas.

Presiden itu akan diiringi isterinya, Barbara Mogae, Menteri Perdagangan dan Industri, Tebelelo Seretse, para pegawai kanan kerajaan dan delegasi perniagaan.

Presiden Mogae dijadual menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Rabu dan menghadiri jamuan malam yang dihoskan oleh Dr Mahathir.

President Mogae juga akan menyampaikan ucap-tama pada seminar pelaburan anjuran Agensi Pembangunan Eksport dan Pelaburan Botswana (BEDIA) di sini pada Khamis.

Beliau juga dijadual melawat Santuari Tanah Lembap Paya Indah dan menemui para pelajar Botswana di sini.

-- BERNAMA

HS ZS LAT